PP

lwn.

GUNALAN RAMAR

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
KAMARDIN HASHIM H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45A-66-11/2011]
13 SEPTEMBER 2012

PROSEDUR JENAYAH: *Pembebasan atau pelepasan - Pembebasan tertuduh tanpa dipanggil untuk membela diri - Rayuan oleh pihak pendakwaan - Milikan dan pengetahuan - Sama ada dibuktikan - Kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi material - Kredibiliti saksi-saksi - Sama ada rantaian keterangan terputus - Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Pengedaran - Mengedar 191.3g methamphetamine - Pelepasan tertuduh tanpa dipanggil untuk membela diri - Rayuan oleh pihak pendakwaan*

KETERANGAN: *Saksi - Kredibiliti saksi-saksi - Kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil saksi material - Sama ada melemahkan kes pendakwaan*

Satu pasukan polis yang diketuai oleh satu Inspektor Saidon Shaari ('Inspektor Saidon'), termasuk pengadu, Detektif Sarjan Mohd Sidek bin Paimin ('SP5') telah membuat rondaan cegah jenayah dan telah menahan seorang lelaki India ('tertuduh') yang sedang duduk di dalam sebuah restoran. Sebelum tertuduh ditahan, Inspektor Saidon telah memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis tetapi tertuduh hanya berdiam diri. SP5 menjumpai satu sampul surat berwarna kuning ('P11') di atas riba tertuduh dan di dalam P11 terdapat satu bungkusan keratan akhbar ('P12'). Pemeriksaan menemui satu bungkusan plastik lutsinar ('P13') bahan-bahan yang disyaki sebagai dadah. Suatu laporan oleh ahli kimia ('SP3') kemudiannya mengesahkan bahan-bahan tersebut sebagai 191.3g methamphetamine. Tertuduh telah dituduh di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') bagi kesalahan mengedar dadah. Namun begitu, di akhir perbicaraan, mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh dan tertuduh telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa

dipanggil untuk membela diri. Pihak pendakwaan merayu terhadap perintah pembebasan tertuduh dan membangkitkan isu-isu (i) kredibiliti SP3 dan SP5; (ii) pemilikan dadah tersebut; (iii) pengetahuan mengenai dadah di dalam P11; dan (iv) sama ada rantaian keterangan barang kes dadah telah terputus.

Diputuskan (melepaskan dan membebaskan tertuduh tanpa dipanggil untuk membela diri):

(1) Walaupun keterangan yang diberikan oleh SP3 telah dicabar dengan keras oleh peguambela tertuduh, namun kredibilitinya tidak tergugat. Keterangan SP3 masih utuh dan tidak goyah dan mahkamah menerima keterangan kukuh yang diberikan oleh SP3 mengenai analisis serta dapatan hasil analisis bahawa bahan yang terkandung dalam P13 adalah 191.3g methamphetamine. Berdasarkan keterangan SP3, elemen ketiga pertuduhan iaitu 191.3g methamphetamine yang telah dirampas adalah dadah berbahaya bagi maksud ADB. (perenggan 22-23)

(2) SP5 bukan seorang saksi yang jujur kerana beliau gagal menyatakan perkara sebenar yang berlaku pada malam kejadian. Keterangan SP5 menggelirukan dan bercanggah dengan kes pendakwaan dan telah menimbulkan satu keraguan yang munasabah terhadap kebenaran versi pendakwaan. Percanggahan-percanggahan material berlaku antara keterangan SP5 dengan keterangan SP4 dan SP6. (perenggan 27, 29 & 31)

(3) Walaupun s. 134 Akta Keterangan 1950 tidak memperuntukkan bilangan saksi bagi membuktikan sesuatu fakta, adalah menjadi prinsip undang-undang mantap bahawa pihak pendakwaan mempunyai budibicara untuk memanggil saksi-saksi dan adalah memadai sekiranya saksi tersebut boleh dipercayai dan berkredibel serta dapat membentangkan naratif kes pihak pendakwaan. Walau bagaimanpun, dalam keadaan keterangan SP5 dicabar dan dinafikan dengan keras sehingga wujudnya keraguan mengenai kesahihan keterangan SP5, pihak pendakwaan sewajarnya memanggil saksi material dalam kes ini iaitu Inspektor Saidon yang mengetuai pasukan serbuan polis tersebut. Tidak memadai hanya menawarkan saksi penting tersebut kepada pihak pembelaan sedangkan beban pembuktian untuk membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah adalah di bahu pihak pendakwaan dan bukan pihak pembelaan. (perenggan 26-27)

(4) Dalam keterangannya, SP5 menyatakan setelah dadah ditemui, tertuduh kelihatan takut dan mukanya pucat. Mahkamah tidak bersetuju dengan keterangan 'overt act' di bawah s. 8 Akta Keterangan 1950 yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Reaksi tertuduh yang takut dan bermuka pucat adalah reaksi yang biasa. Tentunya seseorang akan berasa takut sehingga pucat mukanya apabila mendapat tahu dadah yang ditemui cuba dikaitkan dengannya. Tertuduh tidak menunjukkan sebarang reaksi apabila Inspektor Saidon memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis, tidak cuba melarikan diri dan tidak cuba untuk melepaskan barang kes tersebut. Keterangan SP5 bahawa dadah tersebut berada di atas riba tertuduh diragui. Berdasarkan kepada keadaan fakta dalam kes terhadap tertuduh, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa tertuduh mempunyai milikan dan pengetahuan salah terhadap barang kes dadah yang dirampas. (perenggan 32-33)

(5) Terdapat dua insiden di mana berlakunya putus rantaian keterangan terhadap barang kes dadah. Kedua-dua insiden tersebut berlaku sebelum barang kes dadah tersebut dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisa. Akibatnya, timbul kelompangan dan keraguan terhadap identiti barang kes serta keraguan terhadap kes pendakwaan sendiri. Dalam keadaan sedemikian maka kes *prima facie* dikatakan telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan. (perenggan 34-35)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdullah Zawawi Omar v. PP [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 SC ***(dirujuk)***

Arulpragasan Sandaraju v. PP [1996] 4 CLJ 597 FC ***(dirujuk)***

Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***

Dalip Bhagwan Singh v. PP [1997] 4 CLJ 645 FC ***(dirujuk)***

Gunalan Ramachandran & Ors v. PP [2004] 4 CLJ 551 CA ***(dirujuk)***

Khoon Chye Hin v. PP [1961] 1 LNS 41 HC ***(dirujuk)***

Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***

Muhammed Hassan v. PP [1998] 2 CLJ 170 FC ***(dirujuk)***

PP v. Kang Ho Soh [1991] 3 CLJ 2914; [1991] 3 CLJ (Rep) 557 HC ***(dirujuk)***

PP v. Liew Oon Kiong [1991] 1 CLJ 165; [1991] 3 CLJ (Rep) 593 HC ***(dirujuk)***

PP v. Kasmin Soeb [1974] 1 LNS 116 ***(dirujuk)***

PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***

PP v. Saare Hama & Anor [2001] 4 CLJ 475 HC ***(dirujuk)***

PP v. Saw Kok Leong [1993] 4 CLJ 83 HC ***(dirujuk)***

Shamsuddin Hassan & Anor v. PP [1991] 3 CLJ 2414; [1991] 1 CLJ (Rep) 428 SC ***(dirujuk)***

A *Ti Chuee Hiang v. PP [1995] 3 CLJ 1 FC* ***(dirujuk)***
Yusri Pialmi v. PP [2010] 6 CLJ 878 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 180
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37(d), 37(da)(xvi), 39B(1)(a)
B Evidence Act 1950, ss. 8, 134

Bagi pihak pendakwaan - Tan Gin Han; TPR
Bagi pihak tertuduh - Rajpal Singh; T/n Rajpal, Firah & Vishnu

C *Dilaporkan oleh Najib Tamby*

PENGHAKIMAN

D **Kamardin Hashim H:**

Latar Belakang

[1] Tertuduh, Gunalan a/l Ramar telah dihadapkan dengan satu pertuduhan bagi kesalahan mengedarkan dadah berbahaya di
E bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 ("ADB 1952"). Pertuduhan terhadap tertuduh dibacakan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 23.7.2011 jam lebih kurang 8.30 malam di dalam Cameleon Vegeterian Restaurant, No. 1 Jalan Thamboosamy Off Jalan Putra, dalam daerah Dang Wangi, di
F dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan telah mengedar dadah berbahaya iaitu Methamphetamine yang berat bersih seberat 191.3 gram. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen
G 39B(2) Akta yang sama.

[2] Tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan dan meminta satu perbicaraan penuh diadakan.

[3] Di akhir perbicaraan, mahkamah mendapati bahawa pihak
H pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh di atas pertuduhan yang dihadapkan. Tertuduh telah dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa dipanggil untuk membela diri.

I **[4]** Pihak Timbalan Pendakwa Raya sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap perintah pembebasan tertuduh tersebut.

Kes Pendakwaan

[5] Pihak pendakwaan telah memanggil saksi-saksi berikut bagi membentangkan kes mereka:

(i) L/KPL 147203 Zamer bin Abdullah – jurugambar (SP1);

(ii) D/KPL 132005 Mohd Fandi bin Nordin – penjaga setor (SP2);

(iii) Puan Muzaiyanah binti Mohd Kaprawi – ahli kimia (SP3);

(iv) Encik Zaw Min Oo – saksi awam (SP4);

(v) D/Sjn 93257 Mohd Sidek bin Paimin – anggota serbuan (SP5); dan

(vi) Inspektor I 17269 Kumbat anak Tan – pegawai penyiasat (SP6).

[6] Kes pihak pendakwaan seperti yang dikemukakan melalui keterangan saksi-saksi tersebut secara ringkasnya adalah seperti berikut. Pada 23 Julai 2011 jam lebih kurang 8.30 malam, satu pasukan polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi yang diketuai oleh Inspektor Saidon bin Shaari bersama enam anggota termasuk pengadu, Detektif Sarjan 93257 Mohd Sidek bin Paimin (SP5) telah membuat rondaan cegah jenayah di Jalan Thamboosamy off Jalan Putra, Kuala Lumpur. Pada malam tersebut SP5 telah menahan seorang lelaki India yang kemudiannya dicamkan sebagai tertuduh yang sedang duduk di satu meja di dalam Restoran Cameleon. Pengadu menyatakan sebelum tertuduh ditahan, Inspektor Saidon bin Shaari ada memperkenalkan diri sebagai pegawai polis tetapi tertuduh hanya mendiamkan diri.

[7] Saksi SP5 menyatakan semasa tertuduh ditahan, terdapat satu sampul surat berwarna kuning (P11) yang terletak diatas riba tertuduh. Setelah diperiksa di hadapan tertuduh, pengadu mendapati P11 mengandungi satu bungkusan keratan akhbar harian 'Metro' (P12). Apabila P12 tersebut dibuka, pengadu menemui satu peket plastik lutsinar (P13) yang berisi bahan-bahan yang disyaki dadah jenis syabu. SP5 menyatakan apabila barang kes dadah ditemui, tertuduh dilihat dalam keadaan ketakutan dan mukanya kelihatan pucat.

[8] Pemeriksaan terhadap badan tertuduh, pengadu tidak menjumpai sebarang barang salah. Pengadu sebaliknya telah menemui satu batang anak kunci dari dalam poket seluar bahagian kanan hadapan yang dipakai oleh tertuduh. Dengan bantuan tertuduh, pengadu telah membuat pemeriksaan terhadap sebuah kereta jenis Toyota Camry dengan nombor pendaftaran WTR 9632 yang berada di tempat kejadian. Pemeriksaan terhadap kenderaan tersebut, pengadu tidak menjumpai sebarang barang salah.

[9] Pengadu turut merampas tiga buah telefon bimbit jenama 'Nokia' yang berada di tempat kejadian dari sebuah meja No.12 dalam restoran tersebut. Turut dirampas daripada tertuduh adalah wang tunai RM3,500, satu beg galas jenama 'Passenger Italy', satu dompet jenama 'Bonia' serta kad pengenalan tertuduh. Di tempat kejadian, pengadu telah mengeluarkan satu senarai pemeriksaan (P16) yang enggan diakui dan enggan ditandatangani oleh tertuduh. Sebelum mengeluarkan P16, pengadu telah menimbang barang kes yang disyaki dadah syabu bersama-sama dengan P13 dan mendapati berat kasar adalah 250g.

[10] Tertuduh bersama barang kes dadah yang dirampas telah dibawa balik ke IPD Dang Wangi untuk tindakan selanjutnya. Pengadu telah membuat satu laporan mengenai rampasan dan tangkapan tertuduh sebagaimana Dang Wangi Report No. 28241/2011 (P15). Pengadu kemudiannya telah membuat penandaan terhadap barang-barang kes yang dirampas sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat, Inspektor Kumbat anak Tan (SP6). Satu Surat Akuan Serah Menyerah Barang Kes (P17) telah disediakan dan ditandatangani diantara pengadu dengan SP6.

[11] Barang kes yang disyaki dadah syabu telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia Petaling Jaya untuk dianalisa. Ahli kimia, Puan Muzaiyanah binti Mohd Kaprawi (SP3) setelah membuat pemeriksaan dan penganalisaan terhadap bahan-bahan yang terdapat dalam P13 dan mengesahkan bahan-bahan tersebut mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine seberat 191.3g, yang menjadi hal perkara pertuduhan terhadap tertuduh.

Beban Pembuktian Diakhir Kes Pendakwaan

[12] Tugas hakim bicara pada peringkat ini adalah untuk membuat penilaian yang maksima kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan bagi menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh keatas pertuduhan yang dihadapkan seperti dikehendaki di bawah s. 180

Kanun Acara Jenayah (KAJ). YA Gopal Sri Ram HMR (ketika itu) dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734 telah menjelaskan bahawa tugas hakim bicara pada peringkat penutupan kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

> It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s. 180 of the Code has to undertake at the close of the prosecution case. He must subject the prosecution evidence to a maximum evaluation and ask himself the question: If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative then no *prima facie* case has been made out and the accused would be entitled to an acquittal.

[13] Tiga elemen utama perlu dibuktikan untuk mendapatkan sabitan di bawah s. 39B(1)(a) ADB 1952 di dalam kes ini iaitu bahawa pertamanya tertuduh dibuktikan mempunyai milikan (possession) dengan pengetahuan ke atas dadah berbahaya yang dirampas dan keduanya bahawa tertuduh didapati mengedar dadah-dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan. Elemen ketiga adalah bahawa dadah-dadah tersebut adalah dadah berbahaya di bawah ADB 1952. Pihak pendakwaan boleh menggunapakai anggapan statutori yang terdapat di bawah ADB 1952 bagi membuktikan salah satu elemen tersebut iaitu sama ada di bawah s. 37(d) ADB 1952 untuk elemen milikan ataupun di bawah s. 37(da) ADB 1952, bagi membuktikan elemen pengedaran (lihat kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 *(supra)* dan *Muhammed Hassan v. PP* [1998] 2 CLJ 170).

[14] Kes *prima facie* juga tidak boleh dikatakan sebagai telah dibuktikan sekiranya terdapat dua keadaan berikut iaitu apabila terdapat lompang (gap) didalam kes pihak pendakwaan ataupun juga terdapat keadaan di mana keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan membenarkan lebih daripada satu inferen selain daripada inferen yang menjurus kepada kebersalahan tertuduh (lihat kes *Arulpragasan Sandaraju v. PP* [1996] 4 CLJ 597; *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734; *Abdullah Zawawi Omar v. PP* [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 dan *PP v. Kasmin Soeb* [1974] 1 LNS 116]. Begitu juga sekiranya terdapat keadaan di mana berlakunya putus rantaian keterangan mengenai barang kes dadah yang dirampas sehingga timbul keraguan munasabah terhadap identiti barang kes dadah tersebut dan tanpa sebarang penjelasan mengenainya maka dikatakan juga kes *prima facie* gagal dibuktikan (lihat *Yusri Pialmi v. PP* [2010] 6 CLJ 878).

[15] Apa yang dimaksudkan dengan kes *prima facie*, telah diputuskan dalam kes *Dalip Bhagwan Singh v. PP* [1997] 4 CLJ 645 seperti berikut:

> ... the meaning of the test of *prima facie* case at the end of the prosecution's case is, 'on the assumption that the prosecution evidence was accurate, could the accused be lawfully convicted?. The word 'accurate' could mean or should mean 'true' and the words 'prosecution evidence' could be said to refer to the evidence of 'primary facts' which could logically refer to the evidence or evidences sufficient enough to prove each ingredient of an offence. Once there is sufficiency of such evidence, so long as it is not inherently incredible, a *prima facie* case is made out.

[16] Di dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan:

> Section 180(1) makes it clear that the standard of proof on the prosecution at the close of its case is to make a *prima facie* case while s. 182A(1) enunciates that at the conclusion of the trial the court shall consider all the evidence adduced and decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. The standard of proof on the prosecution at the end of its case and at the end of the whole case has thus been statutorily spelt out in clear terms ... A *prima facie* case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal.

[17] Mahkamah Persekutuan dalam kes yang sama telah menjelaskan lagi maksud *prima facie*, iaitu:

> The phrase "*prima facie* case" is defined in similar terms in *Mozley and Whieteley's Law Dictionary*, 11th edn. as:
>
> > A litigating party is said to have a *prima facie* case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponent to be called on to answer it. A *prima facie* case, then, is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side.
>
> The result is that the force of the evidence adduced must be such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts exist or did happen. On the other hand if a *prima facie* case has not been made out it means that there is no material evidence which can be believed in the sense

as described earlier. In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established ... Since the court, in ruling that a *prima facie* case has been made out, must be satisfied that the evidence adduced can be overthrown only by evidence in rebuttal it follows that if it is not rebutted it must prevail. Thus if the accused elects to remain silent he must be convicted. The test at the close of the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a *prima facie* case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no *prima facie* case.

Dadah Berbahaya

[18] Saksi SP3 dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau telah menjalankan analisis ke atas barang kes yang beliau terima daripada SP6. Saksi mendapati berat bersih bahan mengikut timbangan beliau adalah 249.1g. Bahan tersebut telah dijadikan serbuk yang homogen. Beliau telah kemudiannya mengambil sampel bahan yang telah dihomogen bagi menjalankan ujian penentuan kualitatif dan kuantitatif. Untuk ujian kualitatif, SP3 telah menjalankan ujian warna dengan menggunakan bahan Marquis dan Simon untuk menentukan bahan dadah di dalam bahan homogen tersebut. Hasil analisis bahan uji ini telah memberikan warna oren dan biru masing-masing. Ini menunjukkan kehadiran dadah jenis Methamphetamine terdapat di dalam bahan sampel yang diuji.

[19] Setelah pasti terdapat bahan dadah Methamphetamine di dalam bahan tersebut, SP3 seterusnya telah menjalankan ujian dengan menggunakan peralatan Gas Chromotography Mass Spectrometry (GCMS). Hasil analisis mengesahkan bahawa bahan tersebut mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine.

[20] Bagi menentu jumlah berat dadah Methamphetamine di dalam bahan tersebut, SP3 telah menjalankan analisis dengan menggunakan peralatan Gas Chromotography (GC). Hasil analisis yang dijalankan, SP3 telah mengesahkan bahawa bahan yang beliau terima daripada SP6 mengandungi 191.3g Methamphetamine. Saksi SP3 mengesahkan Methamphetamine adalah sejenis dadah berbahaya yang tersenarai di dalam Jadual Pertama kepada ADB 1952. Laporan kimia hasil pemeriksaan dan analisis yang dijalankan oleh SP3 dikemukakan sebagai eks. P10.

[21] Saksi SP3 telah mengecamkan barang-barang kes yang beliau terima dari SP6 untuk dianalisa berdasarkan tandaan yang dibuat oleh pengadu serta pelekat keselamatan Jabatan Kimia Malaysia yang beliau lekatkan pada barang-barang kes sampul surat berwarna kuning (P11), keratan akhbar harian 'Metro' (P12) dan peket plastik lutsinar (P13). Saksi SP3 turut mengecamkan peket plastik yang beliau bekalkan berisi baki bahan yang telah beliau analisa dalam bentuk yang homogen (P14 dan P14A).

[22] Walaupun keterangan yang diberikan oleh SP3 telah dicabar dengan keras oleh pihak peguambela tertuduh, namun kredibiliti SP3 tidak tergugat. Keterangan yang diberikan oleh SP3 masih utuh dan tidak goyah walaupun disoal-balas dengan panjang lebar oleh peguambela. Mahkamah ini menerima keterangan kukuh yang diberikan oleh SP3 mengenai analisis serta dapatan beliau tentang hasil analisis yang beliau jalankan bahawa bahan yang terkandung dalam peket plastik lutsinar P13 mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine seberat 191.3g, yang menjadi hal perkara pertuduhan (lihat *Gunalan Ramachandran & Ors v. PP* [2004] 4 CLJ 551 oleh Abdul Hamid Mohamad HMR (ketika itu)).

[23] Oleh itu berdasarkan keterangan SP3, mahkamah ini berpuas hati dan memutuskan bahawa elemen ketiga pertuduhan iaitu dadah yang dirampas Methamphetamine seberat 191.3g adalah dadah berbahaya bagi maksud ADB 1952.

Pengedaran

[24] Di dalam ucapan pembukaan (P3), Tuan TPR menyatakan bahawa pihak pendakwaan memilih untuk bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(da)(xvi) ADB 1952 untuk membuktikan elemen pengedaran. Seksyen 37(da)(xvi) ADB 1952 memperuntukkan bahawa seseorang yang didapati memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine melebihi berat minima 50g adalah dianggap memiliki dadah berbahaya tersebut dengan tujuan untuk diperedarkan. Anggapan tersebut adalah suatu anggapan yang boleh diakas (rebuttable presumption). Oleh kerana berat dadah berbahaya Methamphetamine di dalam pertuduhan melebihi had minima 50g seperti yang diperuntukkan, iaitu seberat 191.3g maka pihak pendakwaan boleh menggunapakai anggapan tersebut. Oleh itu mahkamah ini berpuas hati dan memutuskan bahawa elemen pengedaran telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Walau bagaimanapun sebelum anggapan pengedaran tersebut boleh digunakan, pihak pendakwaan hendaklah terlebih dahulu membuktikan elemen pemilikan terhadap tertuduh.

Pemilikan

[25] Isu pemilikan adalah merupakan satu isu undang-undang yang perlu diputuskan berdasarkan kepada fakta didalam sesuatu kes. Samada seseorang itu mempunyai milikan sesuatu barang itu adalah merupakan suatu persoalan fakta (lihat *PP v. Kang Ho Soh* [1991] 3 CLJ 2914; [1991] 3 CLJ (Rep) 557). Dalam kes terhadap tertuduh disini, saksi pendakwaan iaitu SP5 menyatakan barang kes dadah syabu tersebut terdapat di dalam satu peket plastik lutsinar berbalut dengan keratan akhbar di dalam satu sampul surat berwarna kuning yang dikatakan terletak atas riba tertuduh. Fakta yang mengatakan sampul surat itu terletak di atas riba tertuduh dinafikan dan dicabar dengan keras oleh pihak pembelaan dalam soal-balas terhadap SP5. Hanya seorang saksi iaitu SP5 memberi keterangan mengenai rampasan barang kes dan tangkapan ke atas tertuduh.

[26] Mahkamah ini sedar mengenai peruntukkan di bawah s. 134 Akta Keterangan 1950 yang tidak memperuntukkan bilangan saksi bagi membuktikan sesuatu fakta. Prinsip undang-undang mantap bahawa pihak pendakwaan mempunyai budibicara untuk memanggil saksi-saksi yang mana satu serta bilangan saksi yang perlu walaupun seorang saksi bagi membuktikan sesuatu fakta. Selagi saksi itu boleh dipercayai dan berkredibel serta dapat membentangkan naratif kes pihak pendakwaan sudah memadai (lihat *Ti Chuee Hiang v. PP* [1995] 3 CLJ 1 oleh Edgar Joseph Jr. HMA). Walau bagaimanapun dalam keadaan keterangan saksi SP5 dicabar dan dinafikan dengan keras semasa soal-balas sehingga wujudnya keraguan mengenai kesahihan keterangan SP5, adalah wajar bagi pihak pendakwaan untuk memanggil saksi material dalam kes ini iaitu Inspektor Saidon bin Shaari yang mengetuai pasukan serbuan polis tersebut. Adalah pada pandangan mahkamah ini bahawa tidak memadai hanya menawarkan saksi penting tersebut kepada pihak pembelaan. Beban pembuktian sepanjang masa adalah di bahu pihak pendakwaan untuk membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Manakala pihak pembelaan tidak memikul sebarang beban untuk memanggil saksi Inspektor Saidon bin Shaari untuk menutup keraguan dalam kes pihak pendakwaan dalam kes ini. Tiada alasan di berikan oleh pihak pendakwaan mengapakah Inspektor Saidon bin Shaari yang mengetuai pasukan serbuan gagal dipanggil untuk memberikan keterangan di mahkamah.

[27] Terdapat dua percanggahan yang material dalam kes pendakwaan yang sekaligus telah menimbulkan satu keraguan yang munasabah terhadap kebenaran versi pendakwaan yang telah disampaikan melalui saksi SP5. Percanggahan material yang pertama adalah perbezaan diantara keterangan SP5 dengan keterangan yang telah diberikan oleh saksi Zaw Min Oo (SP4). Pada malam kejadian SP4 yang bertugas sebagai Captain di Restoran Cameleon. Beliau adalah orang yang telah mengambil pesanan daripada empat orang pelanggan yang duduk di meja No. 12. SP4 menyatakan bahawa empat orang pelanggan di meja No. 12 tersebut sebelum tertuduh di tangkap oleh pihak polis adalah dua orang lelaki berbangsa Cina, seorang perempuan berbangsa Cina dan tertuduh. Manakala saksi SP5 menafikan kewujudan tiga orang berbangsa Cina berada bersama tertuduh di meja No. 12 dan menafikan syor pihak pembelaan bahawa seorang lelaki berbangsa Cina yang telah meletakkan sampul surat di atas meja No. 12 sebelum melarikan diri melalui pintu belakang apabila melihat kedatangan pasukan polis. SP5 juga turut menafikan dakwaan pembelaan bahawa pada malam tersebut selain daripada tertuduh terdapat juga tangkapan lain dari meja No.12 tersebut. Percanggahan yang wujud diantara keterangan SP4 dengan SP5 gagal dijelaskan oleh pihak pendakwaan.

[28] Setelah meneliti keterangan SP5 terutama semasa soal-balas yang antara lain bersetuju dengan syor-syor pembelaan seperti berikut, menunjukkan dakwaan SP5 bahawa sampul surat kuning berisi dadah tersebut terletak atas riba tertuduh adalah diragui:

(a) SP5 dan pasukan masuk ke dalam restoran tersebut dan membuat pemerhatian selama lebih kurang satu minit sebelum bergerak menuju ke arah tertuduh yang sedang duduk di meja No. 12;

(b) SP5 bersetuju dalam tempoh satu minit membuat pemerhatian adalah masa yang mencukupi untuk seseorang yang berada di meja No. 12 untuk melarikan diri melalui pintu belakang dan pintu sisi restoran tersebut yang sangat hampir dengan meja No. 12;

(c) SP5 bersetuju tertuduh tidak pada bila-bila masa cuba untuk melarikan diri walaupun ada masa untuk berbuat demikian. Sekiranya tertuduh ada pengetahuan mengenai dadah dalam sampul surat di atas riba beliau sudah tentunya tertuduh mengambil tindakan sama ada untuk melarikan diri atau pun

dengan menjatuhkan/mencampakan/melepaskan sampul surat berisi dadah tersebut sebagaimana kelakuan manusia biasa apabila melihat kedatangan pihak polis. Amat tidak munasabah kelakuan tertuduh sekiranya benar pengataan SP5 bahawa dadah ditemui atas riba tertuduh sedangkan tertuduh menyedari kedatangan pihak polis ke restoran tersebut;

(d) Saksi SP6 mengesahkan terdapat dua kesan cap jari pada barang kes menunjukkan barang kes telah dikendalikan oleh lebih daripada seorang. Tiada cap jari tertuduh ditemui pada barang kes tersebut; dan

(e) Sekiranya benar keterangan SP5 yang menyatakan hanya tertuduh seorang duduk di meja No. 12, melalui rajah kasar dan gambar-gambar P5A-E menunjukkan terdapat enam buah kerusi dengan sebuah meja yang menyediakan ruang yang luas untuk meletakkan sampul surat kuning tersebut. Tidak munasabah untuk tertuduh meletakkan sampul surat atas riba.

[29] Percanggahan material yang kedua adalah diantara keterangan SP5 dengan keterangan Pegawai Penyiasat SP6. Saksi SP5 menyatakan tertuduh duduk di meja No. 12 dan telah ditangkap disitu. Manakala saksi SP6 dengan tegas menyatakan bahawa tertuduh tidak duduk di meja No. 12 tetapi berada di meja bertanda 'Y' dalam gambar P5E. Meja 'Y' adalah berlainan dengan meja No. 12 yang berada paling hampir dalam gambar P5E tersebut. Walaupun SP5 menyatakan meja No. 12 berada di kedudukan kedua dari pintu hadapan, SP6 menyatakan meja tempat tertuduh ditahan berada di kedudukan ketiga dari pintu hadapan. Saksi SP6 menyatakan beliau pasti keterangan beliau mengenai meja tempat tertuduh ditahan oleh kerana meja tersebut telah ditunjukkan oleh SP5 semasa pergi ke tempat kejadian bersama SP5 dan jurugambar pada 25 Julai 2011 iaitu dua hari selepas kejadian tangkapan. Percanggahan yang material antara keterangan SP5 dan SP6 juga tidak dijelaskan oleh pihak pendakwaan.

[30] Ekoran daripada wujudnya percanggahan yang material dalam kes pendakwaan yang gagal dijelaskan membuatkan kes pihak pendakwaan:

(i) Meragukan;

(ii) Keterangan saksi material pendakwaan (SP5) tidak berkredibel dan tidak boleh di percayai (lihat *Khoon Chye Hin v. PP* [1961] 1 LNS 41);

A (iii) Terdapat lompang dalam kes pendakwaan dengan ketidak panggilan saksi material, Inspektor Saidon bin Shaari yang mengetuai pasukan serbuan polis pada masa kejadian;

(iv) Kes pihak pendakwaan menjurus kepada dua inferen yang
B berbeza, maka inferen yang memihak kepada tertuduh hendaklah diterima oleh mahkamah iaitu bahawa barang kes dadah tersebut tidak berada dalam milikan fizikal sebenar tertuduh dan bahawa terdapat beberapa individu lain di meja No.12 termasuk seorang individu yang telah melarikan diri
C setelah mencampakkan barang kes dadah sebelum tertuduh ditahan oleh pihak polis.

[31] Mahkamah ini mendapati dan memutuskan bahawa SP5 bukanlah seorang saksi yang jujur. Beliau gagal menyatakan perkara
D sebenar yang berlaku pada malam kejadian. Beliau telah memberi keterangan yang bercanggah dan menggelirukan. Oleh itu SP5 bukanlah seorang saksi yang berkredibel dan bukanlah seorang saksi yang boleh dipercayai.

Pengetahuan

E

[32] Pihak pendakwaan telah cuba untuk menunjukkan tertuduh mempunyai pengetahuan salah mengenai dadah yang terdapat dalam sampul surat berwarna kuning tersebut melalui keterangan SP5. Dalam keterangannya, SP5 menyatakan setelah dadah
F ditemui, tertuduh dilihat dalam keadaan takut dan mukanya pucat. Pihak pendakwaan cuba mengemukakan keterangan 'overt act' tersebut di bawah s. 8 Akta Keterangan 1950. Dengan hormatnya, mahkamah ini tidak bersetuju. Reaksi tertuduh takut dan muka pucat selepas dadah ditemui dalam sampul surat tersebut adalah
G reaksi yang biasa. Tentunya seseorang akan berasa takut sehingga muka pucat apabila mendapat tahu dadah yang ditemui cuba dikaitkan dengannya. Tertuduh tidak menunjukkan sebarang reaksi apabila Inspektor Saidon bin Shaari datang menghampiri sambil memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis. Tertuduh tidak
H cuba lari. Tertuduh tidak cuba untuk melepaskan barang kes dadah tersebut yang kononnya berada di atas riba beliau. Oleh itu keterangan SP5 bahawa dadah tersebut berada atas riba tertuduh adalah diragui.

I

[33] Berdasarkan kepada keadaan fakta dalam kes terhadap tertuduh, mahkamah ini berpuas hati dan memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan bahawa tertuduh mempunyai milikan dan pengetahuan salah terhadap barang kes dadah yang dirampas.

Rantaian Keterangan Barang Kes Dadah

[34] Pihak pendakwaan hendaklah memastikan tiada putus rantaian keterangan mengenai barang kes dadah terutamanya sebelum barang kes dadah tersebut dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisa. Dalam kes ini terdapat dua insiden di mana berlakunya putus rantaian keterangan terhadap barang kes dadah, iaitu:

(i) Dalam keterangannya, SP6 menyatakan pada 25 Julai 2011 jam 2.30 petang beliau telah mengeluarkan barang kes dari simpanan untuk diambil gambar. Beliau telah mengarahkan SP1 untuk mengambil gambar (P4) barang kes dadah tersebut. Gambar P4 telah diambil di pejabat beliau. Selepas gambar di ambil, tiada keterangan diberikan oleh SP6 dimanakah barang kes tersebut telah di simpan dan apakah yang terjadi seterusnya kepada barang kes tersebut. Oleh itu terdapat kelompangan dalam kes pihak pendakwaan mengenai barang kes dadah dalam kes ini sehingga mewujudkan keraguan serta putusnya rantaian keterangan mengenai barang kes dadah tersebut; dan

(ii) Dalam keterangan SP6 menyatakan pada 24 Julai 2011 jam 2.30 petang beliau telah menyerahkan barang kes dadah kepada Detektif Sarjan Abdul Jalil bin Abdullah dari Bahagian D10, JSJN Bukit Aman untuk menjalankan ujian penimbulan cap jari. Disahkan terdapat dua kesan cap jari tetapi tidak cukup sifat untuk dibuat perbandingan. Tiada keterangan apa yang sebenarnya terjadi terhadap barang kes dadah semasa ianya berada dalam kawalan Detektif Sarjan Abdul Jalil bin Abdullah tersebut. Saksi ini tidak dipanggil untuk memberikan keterangan dan penjelasan.

[35] Kedua-dua insiden tersebut berlaku sebelum barang kes dadah tersebut dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisa. Barang kes dadah hanya telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia pada 26 Julai 2011 pada jam 2.30 petang. Dalam kedua-dua

A insiden tersebut telah berlaku putusnya rantaian keterangan terhadap pergerakan barang kes dadah. Akibat dari dua insiden tersebut telah menimbulkan kelompangan dan keraguan terhadap identiti barang kes serta keraguan terhadap kes pendakwaan sendiri. Dalam keadaan sedemikian maka kes *prima facie* dikatakan
B telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan (lihat *Yusri Pialmi v. PP (supra)*).

[36] Di dalam kes *Gunalan Ramachandran v. PP* (*supra*) Mahkamah Rayuan telah memberikan pandangan berikut diatas isu yang sama:

C

> The proof of chain of evidence is only a method of proving that fact. The fact that there is "a gap", does not necessarily mean that that fact is not proved. It depends on the facts and circumstances of each case. There may be a gap in the chain of evidence. But, if for example, during that "gap" the exhibits are
> D sealed, numbered with identification numbers, there is no evidence of tempering, there is nothing that would give rise to a doubt that that exhibit is the exhibit that was recovered in that case and that was analysed by the chemist, the fact that there is a gap, in the circumstances of the case, may not give rise to any doubt of that fact.

E

[37] Di dalam kes *Shamsuddin Hassan & Anor v. PP* [1991] 3 CLJ 2414; [1991] 1 CLJ (Rep) 428 di mana tiada penjelasan tentang penjagaan (custody) barang kes selama lima jam diputuskan sebagai memudaratkan kes pendakwaan (fatal) oleh Mahkamah Agong.
F Di dalam kes *PP v. Saw Kok Leong* [1993] 4 CLJ 83 di mana tiada penjelasan sama ada barang kes telah disimpan dengan segera ke dalam kabinet berkunci selepas gambar barang kes diambil diputuskan sebagai fatal. Di dalam kes *PP v. Saare Hama & Anor* [2001] 4 CLJ 475 di mana tiada penjelasan mengenai penjagaan
G barang kes selama 19 jam diputuskan sebagai fatal dan di dalam kes *PP v. Liew Oon Kiong* [1991] 1 CLJ 165; [1991] 3 CLJ (Rep) 593 di mana tiada penjelasan terhadap penjagaan barang kes selama dua (2) hari dianggap fatal kepada kes pendakwaan.

H **[38]** Setelah mahkamah ini menimbangkan fakta dan keadaan kes terhadap tertuduh, terdapat lompang dalam kes pendakwaan berkaitan dengan dua insiden tersebut diatas. Selain tiada keterangan di manakah dan bilakah barang kes disimpan selepas gambar barang kes diambil, tiada juga keterangan apa yang telah
I dilakukan oleh Detektif Sarjan Abdul Jalil bin Abdullah semasa barang kes dadah tersebut berada dibawah kawalan beliau.

Tiada keterangan dikemukakan bahawa barang kes tidak dikacau ganggu pada masa kedua-dua insiden tersebut berlaku. Kelompangan dalam kes pendakwaan tersebut gagal dijelaskan oleh saksi-saksi pihak pendakwaan.

Kesimpulan

[39] Atas alasan-alasan yang disebutkan di atas, mahkamah ini berpuas hati dan memutuskan setelah membuat pertimbangan maksima terhadap keseluruhan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan bahawa pihak pendakwaan telah gagal mencapai tahap pembuktian kes *prima facie*. Oleh yang demikian tertuduh diperintahkan untuk dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan yang dihadapkan.